

# 108 bakal guru jalani latihan asas kebomba

**BATU PAHAT** - Seramai 108 penuntut Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional (FPTV), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) menyertai latihan asas kebomba-an bagi mempersiapkan diri mereka sebagai guru yang boleh bertindak jika berlaku kecemasan.

Pengarah program, Mohamad Nazirul Mubin Yusof berkata, peserta mempelajari

Kemahiran Asas Bomba termasuklah mengosongkan bangunan jika berlaku kebakaran, memadam kebakaran, mencari dan menyelamatkan mangsa serta memberi pertolongan cemas.

"Ia juga sebagai persediaan kami untuk menjadi guru, yang mana di sekolah atau kolej vokasional nanti turut mempunyai badan beruniform seperti kadet bomba," katanya kepada *Sinar Harian*.



108 penuntut FPTV UTHM yang menyertai latihan kebomba-an bergambar kenangan selepas tamat kursus.